

05/03/2002

Korea Utara sokong kerjasama bangunkan ICT

KUALA LUMPUR, Isnin - Korea Utara mengalu-alukan kerjasama usahawan tempatan bagi membangunkan sektor teknologi komunikasi maklumat (ICT), penjana tenaga dan perlombongan petroleum di negara itu kerana masih banyak khazanah semula jadinya belum dimanfaatkan.

Tawaran itu dibuat oleh Ketua Dewan Perwakilan Tertinggi Korea Utara, Kim Yong Nam yang kini dalam rangka lawatan tiga hari ke Malaysia ketika perbincangan dua hala dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya, petang ini.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid, berkata Korea Utara meminta bantuan Malaysia kerana sumber kewangan dan kepakaran negara itu belum mencukupi bagi menjayakan usaha berkenaan.

"Selain itu, pelbagai isu kepentingan dua hala, termasuk pembangunan ekonomi, kerjasama serantau serta perang menentang keganasan turut dibincangkan dalam pertemuan dalam perjumpaan hampir tiga jam.

"Kim juga berterima kasih kepada Dr Mahathir yang menyokong usaha penyatuan Korea Utara dan Korea Selatan yang berpisah sejak 1950-an dan meminta beliau terus berusaha membawa kedua-dua negara ke meja rundingan.

"Kedua-dua pihak juga mahu meningkatkan pertukaran dagangan dua hala yang kini hanya berjumlah kira-kira RM31 juta setahun," katanya.

Pemimpin Korea Utara itu juga meminta bantuan Malaysia melatih lebih banyak rakyatnya mendapat latihan teknikal dan kajian saintifik. Setakat ini, rakyat negara itu sudah menjalani latihan dalam bidang veterinar, perbankan dan bahasa di sini.

Kedua-dua negara juga menandatangani Perjanjian Pinjaman Kredit Pembayaran Minyak Kelapa Sawit (Pocpa) dan memorandum persefahaman (MoU) bagi pertukaran kebudayaan.

Perjanjian Pocpa menawarkan kredit sebanyak AS\$10 juta (RM38 juta) kepada Korea Utara bagi pembelian minyak sawit daripada Malaysia secara pertukaran barang. Ia adalah pinjaman Pocpa kedua selepas pinjaman pertama sebanyak AS\$10 juta (RM38 juta) digunakan pada Disember 2000.

Kim turut menjemput Dr Mahathir melawat Korea Utara yang pernah dilawatinya pada 1979.

Kim yang memulakan lawatan rasminya ke Malaysia semalam, diberikan sambutan negara di Medan Parlimen hari ini dengan ketibaannya disambut Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail bersama Perdana Menteri.

Kim turut memeriksa barisan kehormat terdiri daripada 104 anggota dan pegawai Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD), diketuai Mejar Abu Samah Mohd Noor, diiringi tembakan meriam 21 das.

Selepas itu, Kim bersama Yang di-Pertuan Agong dibawa menaiki kereta melalui Jalan Parlimen, Dataran Merdeka dan Jalan Sultan Ismail ke hotel penginapannya.

Malam ini, Kim diraikan Seri Paduka pada majlis santapan negara di Istana Negara.

(END)